

# Menentukan status IPTA/IPTS

Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL

rencana@utusan.com.my

**DALAM** tempoh 10 tahun kebelakangan ini, sektor pengajian tinggi banyak memperlihatkan usaha-usaha transformasi yang berskala besar dan radikal. Paling menyerlah ialah agenda jangka panjang Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang dilancarkan pada 2007.

Pelan itu antara lain bermatlamat meningkatkan kualiti pelajar, keupayaan pensyarah, infrastruktur IPT dan membina rangkaian dengan institusi-institusi pendidikan tinggi termama dunia.

Sebanyak tiga langkah khas ditetapkan untuk mencapai matlamat itu antaranya meningkatkan tadbir urus sendiri di kalangan IPT awam yang akan dilaksanakan serta-merta di samping melaksanakan audit prestasi akademik ke atas semua IPT awam dan swasta.

Teras ketiga ialah memperkenalkan status universiti apeks (apex) di kalangan universiti tempatan. Secara ringkasnya, Universiti Apex ialah universiti paling tersohor yang menjadi penanda aras peringkat dunia dalam bidang pengajian tinggi negara.

Universiti ini dijanjikan autonomi dari segi kewangan, skim perkhidmatan, pengurusan, pengambilan pelajar, kepimpinan tertinggi dan penetapan yuran pengajian.

Pemilihan pihak pengurusan tertinggi universiti itu juga dibuat berdasarkan merit calon dari dalam mahupun luar negara. Dalam erti kata yang lain, Universiti Apex merupakan sebuah universiti elit yang bertujuan membolehkan negara menghadapi persaingan di peringkat global.

Dalam rancangan PSPTN jangka pendek, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) diletakkan sasaran untuk melahirkan sekurang-kurangnya sebuah Universiti Apex sebelum Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) berakhir.

Bagaimanapun, ketika RMK-9 berada dalam fasa-fasa terakhir pelaksanaan, bayangan kepada sebuah universiti apex yang tersohor dan terbilang itu masih kabur. Malah, impian itu sebenarnya boleh dikatakan hampir tiada melihat kepada keputusan Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (Setara) 2009 diumumkan oleh Menteri, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, kelmarin.

Daripada 58 buah universiti dan kolej uni-



**PENSYARAH dan pelajar mempunyai peranan menentukan kedudukan universiti masing-masing.** -

**GAMBAR HIASAN.**

versiti awam serta swasta yang dinilai, tidak ada satu pun daripada universiti itu yang mencapai Tier 6 iaitu tahap Terbilang. Dari beberapa sudut, Tier 6 itu sendiri sudah semestinya memiliki persamaan daripada kriteria yang digariskan untuk melahirkan sebuah universiti apex.

Ini berdasarkan kepada 25 kriteria yang digariskan di bawah eksekutif Setara yang meliputi tiga dimensi generik iaitu input, proses dan output dalam pengajaran dan pembelajaran.

Ia turut melibatkan perbandingan dengan amalan di luar negara dengan merujuk antaranya kepada amalan Higher Education Funding Council of England (HEFCE) dan kajian Teaching & Learning Quality Indicators in Australia Universities oleh Denise Chalmers pada 2008. Maklum balas terhadap instrumen itu juga diperoleh daripada rakan-rakan dari ASEAN iaitu tiga buah universiti di Indonesia dan 31 buah di Thailand.

Pencapaian IPT pula diberi penarafan dalam enam tahap (Tiers) dengan Tier 6 iaitu Terbilang sebagai tahap tertinggi manakala Tier 1 iaitu Lemah sebagai yang paling rendah.

Berdasarkan data universiti dan kolej universiti pada 2009, sebanyak 18 buah universiti dan kolej universiti mencapai Tier 5 iaitu tahap Cemerlang membabitkan 7 buah IPT awam dan 11 buah IPT swasta. 25 buah IPT awam dan swasta lain tergolong dalam Tier 4 iaitu tahap Sangat Baik manakala empat buah universiti dan kolej universiti swasta menduduki Tier 3 iaitu tahap Baik.

Tiada IPT awam atau swasta yang pencapaiannya dikategorikan pada Tier 2 iaitu tahap Memuaskan atau Tier 1 iaitu Lemah.

Sebanyak 11 universiti dan kolej universiti lain tidak diberikan penarafan kerana beberapa faktor. Antaranya kerana merupakan IPT baru, tidak menawarkan program Ijazah Pertama, tiada pelajar tahun akhir atau belum melahirkan graduan atau universiti bukan konvensional seperti universiti terbuka yang mungkin memerlukan instrumen tersendiri.

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Universiti Pertahanan Negara Malaysia (UPNM) adalah dua IPT awam yang tidak diberikan penarafan itu. Sesuatu yang menarik untuk diperhatikan ialah bagaimana instru-

men Setara ini boleh digunakan dalam menentukan kedudukan terbaik di kalangan keseluruhan IPT awam dan swasta.

Ketika ini, IPT tersebut hanya dibahagikan kepada enam kategori sahaja tanpa meletakkan universiti manakah yang paling terbaik. Kedudukannya di dalam setiap kategori juga disusun mengikut abjad dan bukannya rating IPT dengan markah paling tinggi.

Realitinya dalam membandingkan kelebihan sesebuah universiti, khalayak ingin mengetahui IPT manakah yang berada pada kedudukan paling teratas. Perbandingan ini mungkin tidak perlu bagi sesetengah pihak namun ia sebenarnya boleh dijadikan kayu ukuran kepada penggiat akademik di sesebuah universiti itu sendiri untuk melonjakkan nama universiti masing-masing.

Kerana pada hakikatnya, siapa yang tidak berbangga mencari ilmu atau menabur bakti di sebuah IPT yang diiktiraf terbaik meskipun hanya di peringkat tempatan. Maka adalah wajar sekiranya Setara turut mengambil garis panduan yang ditetapkan oleh Times Higher Education Supplement (THES) dalam menentu prestij dan kualiti IPT tempatan.

Meskipun banyak perdebatan mengenai sejauh mana kesahihan penilaian THES yang dibuat oleh badan bebas yang berpangkalan di London itu, namun kita tidak boleh menolak hakikat bahawa ia memberi kesan dan pengaruh yang besar dalam persekitaran pengajian tinggi antarabangsa. Lebih-lebih dari sudut pandangan umum masyarakat dunia terhadap prestij dan kualiti sesebuah universiti. Justeru, penarafan Setara juga perlu memberi impak dan melonjakkan IPT tempatan.

Setara tidak boleh takut untuk dibandingkan dengan THES kerana kriteria penilaian yang dibuat sebenarnya lebih terperinci. Difahamkan pihak kementerian juga akan mengambil kira dua lagi fungsi utama universiti iaitu penyelidikan dan perkhidmatan dalam penilaian Setara 2011.

Dengan beberapa penambahbaikan lain seperti berkongsi eksekutif ini di bawah ASEAN Quality Assurance Network (AQAN), tidak mustahil dalam tempoh dua tahun akan datang, kita dapat menyaksikan bukan hanya sebuah universiti Tier 6 iaitu Terbilang dapat dilahirkan, malah sebuah universiti apex juga akan menjadi kenyataan.